

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : Tan Sri Datuk Seri Panglima  
Annuar bin Musa [Ketereh] minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan adakah Kementerian  
telah membuat kajian sejauh manakah  
kerosakan yang dialami oleh penanam  
padi akibat banjir dan sejauh manakah  
kerosakan prasarana tali air akan  
menjejaskan penanaman padi di kawasan  
Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)  
pada musim tanaman akan datang.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui kerjasama Jabatan dan Agensi telah menilai kerosakan yang dialami oleh penanam padi akibat bencana banjir melalui bincian yang telah dilakukan di kawasan yang terjejas. Di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian

Kemubu (KADA), seramai 1,704 orang petani yang terjejas melibatkan kawasan seluas 4,929 hektar dan anggaran nilai kerugian sebanyak RM26,486,676.00.

Anggaran nilai kerosakan infrastruktur pula adalah sebanyak RM7,697,626.00 yang merangkumi kerosakan struktur, tali air, jalan ladang, jambatan dan Kelantan Dyke (benteng). Kerosakan infrastruktur ini dijangka akan memberi kesan terhadap sistem pengairan ke sawah padi dan seterusnya kepada tanaman padi jika ianya tidak diperbaiki dengan segera.

Antara kesan-kesan yang akan dihadapi oleh petani adalah:

- (i) Kerosakan infrastruktur akan menyebabkan kebocoran sistem aliran air dalam sistem pengairan yang boleh mengganggu bekalan air ke sawah padi;
- (ii) Struktur *sheet pile* di dalam Sungai Kelantan yang bertujuan untuk meningkatkan parasan air sungai di *intake* Rumah Pam Kemubu telah mengalami kerosakan (menjadi condong) yang akan menyebabkan parasan air sungai di *intake* tersebut tidak dapat dikekalkan pada tahap lima (5) meter. Keadaan ini akan mengakibatkan air sungai tidak dapat dipam ke sistem pengairan utama dan seterusnya ke sawah padi; dan
- (iii) Pergerakan jentera yang digunakan dalam penanaman padi juga akan terganggu akibat daripada kerosakan jalan ladang.

Bagi tahun 2015, Kementerian akan melaksanakan baik pulih tiga (3) jenis infrastruktur yang terjejas akibat bencana banjir iaitu membaiki jalan ladang, membaiki infrastruktur pengairan dan saliran serta membaiki infrastruktur bangunan dan aset pertanian. Bagi pembaikan infrastruktur yang lain, permohonan peruntukan akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-11.